

# PAMERAN KERJAYA SEMPENA MINGGU SAINS DAN TEKNOLOGI, PERINGKAT DAERAH REMBAU, NEGERI SEMBILAN

**AHMAD AZMAN MOHAMAD RAMLI**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT, UiTM KAMPUS REMBAU

Pada tarikh 12 September 2022, hari Isnin, bermula jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari, dua orang pensyarah daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau iaitu Encik Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli dan Encik Mohd Ridzuan Bin Ibrahim telah mewakili UiTM Kampus Rembau mengadakan pameran kerjaya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang diadakan bersempena dengan Minggu Sains dan Teknologi Peringkat Daerah Rembau di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Undang Haji Adnan, Kota, Rembau, Negeri Sembilan. Minggu Sains dan Teknologi Peringkat Daerah Rembau ini pula diadakan bersempena dengan Program Bulan STEM di peringkat Daerah Rembau. Selain daripada UiTM, terdapat beberapa institusi pendidikan tinggi lain dan agensi-agensi kerajaan yang turut serta menyertai pameran kerjaya ini.



Gambar 1: Petugas pameran di meja pameran




Gambar 2: Petugas pameran sedang melayani pengunjung

Objektif utama UiTM Kampus Rembau menyertai pameran kerjaya ini ialah untuk mempromosi serta memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di sekitar Daerah Rembau tentang kursus-kursus di peringkat pra diploma, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah yang sedang ditawarkan di UiTM Kampus Rembau secara khususnya dan di UiTM seluruh Malaysia secara amnya. Selain itu, pameran ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai peluang-peluang pekerjaan yang boleh mereka ceburi selepas menamatkan pengajian di UiTM. Oleh itu, para petugas pameran telah menerangkan secara terperinci kepada para pelajar tentang nama-nama kursus pengajian yang ditawarkan, syarat-syarat kelayakan untuk memohon mengikuti sesuatu kursus pengajian dan peluang kerjaya selepas menamatkan pengajian. Di samping itu juga, pameran ini diadakan bertujuan untuk memberi motivasi kepada para pelajar dalam mempelajari kursus-kursus berkaitan bidang STEM di UiTM dan seterusnya menceburi bidang kerjaya berkaitan STEM.

Bagi membantu para pelajar supaya lebih memahami penerangan lisan yang diberikan, para petugas pameran juga telah mengedarkan bahan pameran iaitu risalah-risalah berkaitan kursus-kursus pengajian yang sedang ditawarkan di UiTM di seluruh Malaysia kepada para pelajar yang mengunjungi pameran.

Berdasarkan sambutan atau maklum balas yang diterima daripada para pelajar yang mengunjungi pameran tersebut, didapati ramai dalam kalangan mereka yang berminat untuk menyambung pengajian di UiTM. Semoga minat tersebut berjaya direalisasikan terutamanya selepas mereka menamatkan pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Kesimpulannya, pameran kerjaya ini telah berjaya menarik minat ramai pelajar menyambung pengajian mereka pada peringkat tinggi di UiTM, terutamanya dalam bidang pengajian yang berkaitan STEM. Pameran kerjaya ini juga dianggap telah berjaya meningkatkan lagi imej UiTM sebagai universiti terbesar di Malaysia kepada para pengunjung di pameran ini.



Gambar 3: Bahan-bahan pameran